



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

2 NOVEMBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : PENAHANAN PEGAWAI JKPP

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)	ASTRO AWANI Rasuah: KSM pandang serius penahanan pegawai JKPP Johor	JKPP

AKHBAR : ASTRO AWANI

Rasuah: KSM pandang serius penahanan pegawai JKPP Johor

PUTRAJAYA : Kementerian Sumber Manusia (KSM) memandang serius terhadap penahanan pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKPP) Negeri Johor oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat dalam rasuah. KSM dalam satu kenyataan berkata walaupun ia adalah satu kes terpencil namun pihak KSM akan memastikan setiap pegawai jabatan dan agensi di bawahnya mematuhi dan menjalankan penguatkuasaan dengan berintegriti. SPRM pada Rabu mengesahkan penahanan seorang lelaki berusia 37 tahun di sebuah hotel di Johor pada 2.40 petang semalam kerana disyaki meminta dan menerima wang berjumlah RM30,000 daripada seorang pengurus projek sebuah syarikat kejuruteraan petroleum.

Suspek disyaki meminta wang sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan terhadap syarikat berkenaan yang didapati memasang Mesin Angkat tanpa mendapat kebenaran daripada pihak JKPP Johor. KSM berkata ia telah menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan integriti pegawai antaranya dengan mengadakan taklimat daripada SPRM, bekerjasama dengan SPRM untuk menjalankan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) untuk pegawai di jabatan dan agensi di bawahnya. Kementerian itu juga mengguna pakai konsep Pengurusan Risiko Rasuah ke dalam Prosedur Kerja Standard, aktiviti penguatkuasaan dan pemeriksaan jabatan dan agensi, katanya. "Pihak KSM juga komited dan akan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat bagi menambah baik prosedur sedia ada dan juga demi menjaga integriti dan sistem penyampaian perkhidmatan awam," katanya.

ISU : GAJI MINIMUM

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)	BERITA HARIAN Gaji minimum tak realistik jejakkan pekerja SINAR HARIAN Gaji minima di Malaysia antara yang paling tinggi di Asia	TIMB. MENTERI KSM

AKHBAR : BERITA HARIAN

Gaji minimum tak realistik jejakkan pekerja

KUALA LUMPUR : Penetapan gaji minimum secara tidak realistik, dikhuatiri bakal merugikan pekerja dan negara dalam jangka masa panjang. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib, berkata gaji minimum yang terlalu tinggi boleh menyebabkan penutupan operasi sejumlah syarikat, menyebabkan rakyat kehilangan pekerjaan. "Jika gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi, majikan akan menghadapi kesukaran menampung peningkatan kos operasi yang meningkat secara mendadak dan boleh menyebabkan operasi ditutup. "Penutupan operasi syarikat akan menyebabkan pekerja kehilangan pekerjaan, membawa kepada masalah pengangguran dan isu sosial lain. "Senario itu juga akan membantutkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana

(PKS) serta menyebabkan industri kehilangan tenaga kerja mahir yang berada dalam pasaran kerana penutupan kilang dan syarikat," katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini. Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik) mengenai kesan jika gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi di negara ini. Ismail berkata, kadar gaji minimum hanya ditetapkan selepas membuat perbincangan dengan tiga pihak membabitkan kerajaan, pekerja dan majikan bagi mengimbangi kepentingan semua pihak supaya keputusan dibuat tidak membeban dan memudaratkan. Menjawab soalan asal Hasbullah berhubung kajian semula keseimbangan gaji swasta khususnya di kawasan bandar, Ismail berkata kajian itu membabitkan pelbagai faktor termasuk indikator sosioekonomi.

"Kajian semula terhadap perintah gaji minimum pada masa akan datang adalah pada tahun depan," katanya. Menjawab soalan tambahan Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid (PKR-Kuala Langat) berhubung syarikat yang masih enggan melaksanakan gaji minimum, Ismail berkata pihaknya secara konsisten melaksanakan penguatkuasaan serta mendakwa majikan terbabit di mahkamah. "Sebanyak 317 kes membabitkan 607 pekerja tempatan dan 180 pekerja warga asing, didakwa di mahkamah dengan 195 daripadanya sudah selesai. "Majikan dan syarikat yang didapati bersalah tidak melaksanakan perintah gaji minimum kepada pekerja, dikenakan denda oleh mahkamah, ketika ini berjumlah lebih RM648,000," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

Gaji minima di Malaysia antara yang paling tinggi di Asia

KUALA LUMPUR - Malaysia adalah antara negara yang menawarkan pembayaran gaji minima paling tinggi kepada pekerja jika dibandingkan dengan negara Asia lain. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib berkata, gaji minima yang ditetapkan di negara ini adalah RM1000 untuk pekerja di semenanjung dan RM920 di Sabah dan Sarawak.

"Kita adalah negara yang menetapkan pembayaran gaji minima kepada pekerja dengan nilai yang cukup baik. "Di Myanmar, gaji minima yang ditetapkan adalah RM348, Laos RM479, Kemboja RM629, Philipina RM909, Indonesia RM382 dan Vietnam RM600," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Hasan Arifin (BN-Rompin), di Dewan Rakyat, semalam.

Pada masa sama, beliau juga tidak menolak kedatangan pekerja asing yang tidak terkawal menjadi antara faktor kesukaran untuk meningkatkan gaji minima pekerja negara ini. "Kira-kira 1.9 juta pekerja asing berada di negara kita yang turut menerima gaji minima yang ditetapkan di negara ini. Dalam soal ini kita tak boleh kecualikan mereka kerana kita boleh dikenakan tindakan.

"Disebabkan itu, sudah tentu banyak nilai kewangan negara ini digunakan pekerja asing untuk dibawa keluar negara dan itu tidak termasuk faedah-faedah lain yang mereka terima. Seperti mana yang telah dinyatakan Kementerian Kewangan baru-baru ini, lebih RM3.7 bilion wang negara dikeluarkan oleh pekerja asing ke negara-negara mereka," katanya. Sehubungan itu beliau berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan pekerja tempatan supaya menguasai industri sekali gus mengambil alih tempat pekerja asing dalam memperkukuhkan ekonomi Negara.

"Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diuar-uarkan perdana menteri sebelum ini adalah usaha yang dilakukan kerajaan bagi memastikan pertambahan bilangan pekerja tempatan.